

Usim, Jakim tawar ijazah pengajian Quran, sunah

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) dan Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), baru-baru ini, memeterai memorandum (MoU) bagi melaksanakan Program Berkembar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunah (Kepujian).

Melalui program seliaan Usim itu, lulusan diploma Darul Quran boleh melanjutkan pelajaran peringkat ijazah berkenaan yang dijalankan di Darul Quran.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Wan Mohamad Sheikh Abd Aziz, berkata pelaksanaan program itu mendapat kelulusan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.

Bagi menjayakannya, beliau berkata, pihaknya menambah dan meningkatkan prasarana bukan saja kemudahan pe-



WAN MOHAMAD (kiri) menyampaikan cenderamata kepada **Abdul Shukor** sempena pemeteraian MoU kerjasama Usim dan Jakim, baru-baru ini.

ngajian di Darul Quran, malah kakitangannya.

Sementara itu, Naib Canselor Usim, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin, berkata kerjasama itu juga membuka peluang pelajar sekolah menengah agama memasuki program berkenaan dengan kelayakan Sijil Tinggi

Agama Malaysia atau setaraf dengannya.

“Kerjasama ini bertujuan melahirkan graduan tahfiz berkemahiran selaras dengan perkembangan semasa, di samping mengeratkan kerjasama antara Usim dan Jakim,” katanya.